

# Reka Bentuk *Rinagang* dalam Kostum Tradisional Wanita Etnik Dusun Tindal Di Sabah.

Salbiah binti Kindoyop  
Noria ak Tugang

Universiti Malaysia Sarawak  
Email penulis: salbiah.bea@gmail.com

## Pengenalan

Etnik Dusun Tindal dipercayai mendiami daerah Kota Belud yang terletak di kawasan Pantai Barat Negeri Sabah. Daerah ini merentasi kawasan seluas 1385.6 Kilometer persegi dan terletak di kawasan kaki Gunung Kinabalu. Jarak Kota Belud ke Kota Kinabalu adalah sejauh 77 Kilometer. Daerah ini juga bersempadan dengan tiga buah daerah iaitu, daerah Kota Marudu di sebelah Utara, daerah Ranau di bahagian Timur dan daerah Tuaran di bahagian Barat. Berdasarkan banci penduduk dan perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), penduduk Dusun Tindal merupakan etnik yang terbesar mendiami daerah Kota Belud iaitu, berjumlah 38,097 orang, diikuti etnik Bajau dan Iranun yang berjumlah 31,506 orang.

*Kota Belud* adalah istilah bahasa Bajau yang bermaksud 'kubu pertahanan di atas bukit'. Asal usul nama ini boleh dikesan pada zaman dahulu sebelum adanya badan pemerintahan. Pada ketika itu, permusuhan antara kaum Dusun, Bajau dan Iranun sering berlaku kerana ketiadaan pentadbiran yang mengawal peraturan dan hal ehwal adat suku kaum di daerah tersebut. Permusuhan ini menjadi faktor penolak Orang Dusun untuk berpindah ke kawasan pedalaman atau kaki bukit (*tindal*). Nama Dusun Tindal adalah diambil sempena nama kawasan bukit iaitu, sinonim dengan perkataan *belud* dalam bahasa Bajau<sup>1</sup>. Menurut Topin (1996:4), etnik Dusun Tindal juga tergolong dalam 40 etnik yang berdaftar di bawah suku Kadazan Dusun yang telah berhijrah dari *nunuk ragang*.

Etnik Tindal memaparkan kepelbagaian warisan budaya tradisi yang masih diamalkan sehingga kini. Antara warisan yang diamalkan adalah seperti tarian tradisional, pakaian tradisional dan kraf tangan tradisional. Pakaian atau kostum tradisional merupakan warisan yang menonjol dalam kalangan etnik Tindal. Menurut informan<sup>2</sup>, etnik Tindal dikenali melalui keunikan kostum tradisional yang dipakai semasa pesta menuai dan hari keramaian. Terdapat dua jenis kostum tradisi dalam warisan etnik Tindal yang dipanggil *sinipak* dan *rinagang*. *Sinipak* adalah sinonim dengan etnik Tindal yang mendiami kawasan tanah rata manakala *rinagang* popular dalam kalangan etnik Tindal yang tinggal di kawasan berbukit. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menfokuskan pada kostum *rinagang* iaitu, kostum tradisional wanita etnik Dusun Tindal.

## Rajah 1: Pemandangan Perkampungan Tindal



## Asal Usul *Rinagang*

Perkataan *rinagang* atau *rinagangan* diambil daripada bahasa Dusun iaitu, *aragang* yang bermaksud merah atau berwarna merah. *Rinagang* diertikan sebagai 'dimerahkan' sejajar dengan warna tali rotan (*tuai*) yang dimerahkan. Tali rotan tersebut telah disusun secara bergelung dan berfungsi sebagai pengikat kain (*binidang*)

<sup>1</sup> Maklumat daripada informan (Suanoi Kagos, 72 tahun).

<sup>2</sup> Maklumat daripada informan (Soulin Salidap, 50 tahun).